



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Wisma MBS
Persiaran Forest Heights 1
Jalan Seremban-Tampin,
70450 Seremban, Negeri Sembilan
No. Tel : 06-7654333

**BORANG BPL 14-01
PERCUMA**

**No. Pindaan : 01
Tarikh Kuat Kuasa : 01 Jun 2025**

**PERMOHONAN SEWA RUANG IKLAN DI PERHENTIAN BAS MILIK
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

PERMOHONAN BARU

LANJUTAN TEMPOH

A. PENERANGAN/PERATURAN

1. Borang ini hendaklah diisi dengan terang dan jelas.
2. **Satu borang untuk satu lokasi sahaja.**
3. Kembalikan borang ini beserta dengan dokumen-dokumen berikut:-
 - a). Salinan kad pengenalan pemohon.
 - b). Salinan lesen premis perniagaan MBS yang masih sah tempoh (sekiranya promosi jualan)
 - c). Salinan Pendaftaran Perniagaan (SSM).
 - d). Sijil Dewan Bahasa dan Pustaka beserta contoh lukisan (artwork) cetakan komputer lengkap dengan ukuran iklan dan ukuran perkataan. (2 helai / keping)
 - e). Sesalinan draf cadangan kedudukan papan iklan.
4. Bayaran proses RM20.00 hendaklah dijelaskan semasa pendaftaran permohonan.

B. BUTIR-BUTIR PEMOHON DAN PERMOHONAN

1. Maklumat Pemohon (Jabatan / Syarikat / Pertubuhan / Kelab / Individu)

1.1 Nama Penuh :- : _____
1.2 No. Kad Pengenalan : _____
1.3 Alamat Surat Menyurat : _____
1.4 No Telefon : _____

2. Maklumat Pembekal :

2.1 Nama Penuh :- : _____
2.2 Alamat Surat Menyurat : _____
2.3 No Telefon : _____

3. Lokasi ruang iklan yang dipohon :

4. (Sila rujuk lampiran)

3.1 No. Lokasi : _____
3.2 Saiz : _____
3.3 Kadar sewa yang dicadangkan sebulan (RM) : _____

5. Tempoh pameran daripada hingga **(tidak melebihi satu tahun)**

6. Saya / kami berjanji bahawa iklan yang dicadangkan itu tidak akan dipamerkan sehingga lesen yang dipohon dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seremban.
7. Saya / kami berjanji akan menurunkan sendiri iklan selepas tamat tempoh seperti yang ditetapkan.
8. Pihak Majlis berhak untuk menurunkan iklan yang tidak mengikut ukuran dan syarat-syarat yang ditetapkan dan wang cagaran tidak akan dikembalikan.

Saya bersetuju untu MBS dan / atau entiti lain memproses data peribadi saya / kami untuk tujuan permohonan lesen premis perniagaan.

Tarikh : Tandatangan Pemohon :

Cop Syarikat :

C. KADAR BAYARAN LESEN DAN CAGARAN

1. Bayaran lesen setahun atau sebahagiannya : Ditetapkan mengikut saiz iklan (RM 50.00 hingga RM 150.00)
2. Bayaran Pelekat (Sticker) : RM50.00 seunit
3. Bayaran Wang Cagaran : RM300.00

Semua bayaran yang dikenakan hendaklah dijelaskan sebelum iklan tersebut dipamerkan.

Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya syarat-syarat tidak dipatuhi.

Permohonan pemulangan semula wang cagaran hendaklah dikemukakan bersama resit asal wang cagaran selepas tamat tempoh sewaan.




D. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN (WAJIB)




1. Penyewa hendaklah dengan perbelanjaan sendiri membina dan menyelenggara iklan di tapak yang telah diluluskan .
2. Membersihkan struktur perhentian bas sebagai persediaan untuk kerja-kerja memasang iklan.
3. mengecat semula permukaan perhentian bas dengan mengekalkan warna cat yang sama (sekiranya perlu) .
4. Penyewa hendaklah berurusan sendiri dengan pihak Tenaga Nasional Berhad untuk perkhidmatan bekalan elektrik dan menyelesaikan bil-bil bayaran eletrik pada setiap bulan (sekiranya memasang iklan berlampu).
5. Tidak dibenarkan sebarang tambahan iklan di atas mana-mana bahagian ruang tanpa pengetahuan/kelulusan Majlis.
6. Penyewa tidak dibenarkan menyewa kecilkan (sublet) kepada syarikat lain tanpa kelulusan Majlis.
7. Penyewa hendaklah memastikan lesen iklan diperbaharui setiap tahun selama tempoh sah kontrak perjanjian. Tempoh sah lesen iklan ialah Satu Tahun dan hendaklah diperbaharui sebelum tamat tempoh sah lesen.
8. Tempoh sewaan ialah **SATU (1) TAHUN** dan tambahan maksimum **2 TAHUN** dengan persetujuan Majlis Bandaraya Seremban.Walau bagaimanapun Pentadbiran Majlis boleh menamatkan / membatalkan sewaan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang sebab **atau** jika didapati penyewa gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
9. Penyewa akan menandatangani satu kontrak perjanjian dengan Pentadbiran Majlis dimana semua perbelanjaan yang berbangkit akan ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.
10. Syarat-syarat penyewaan tertakluk kepada kontrak perjanjian antara Pentadbiran Majlis dengan Penyewa.

E. SYARAT-SYARAT UMUM

1. Pemasangan hanya di ruang yang ditandakan di dalam gambar pondok perhentian bas.
2. Iklan hendaklah diselenggara setiap masa dan segala kos ditanggung oleh pihak pemohon.
3. Majlis ini boleh mengarahkan pemohon mengubahsuai iklan yang telah dipasang sekiranya ia didapati menimbulkan bahaya, halangan atau tidak sesuai.
4. Kelulusan ini tertakluk kepada Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Seremban (1980) ,Undang-undang Kecil Iklan (MPS Pindaan 1986) dan Undang-Undang Kecil Iklan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) 1992.
5. Setiap visual yang hendak dipaparkan hendaklah dalam Bahasa Malaysia dan jika visual yang dicadangkan mengandungi bahasa-bahasa lain dari Bahasa Melayu, tulisan tersebut hendaklah berukuran tidak lebih besar daripada perkataan Bahasa Malaysia tersebut dan perkataan dalam Bahasa Malaysia tersebut hendaklah ditunjukkan dengan cara lebih mudah dilihat.
6. Pemohon hendaklah mendapatkan pengesahan dari Dewan Bahasa Dan Pustaka bagi penggunaan bahasa yang betul.
7. Memohon kelulusan Majlis bagi setiap penukaran visual baru dan bayaran akan dikenakan sebanyak RM50.00 bagi setiap visual yang ditukar.
8. Visual yang dipaparkan tidak mengandungi unsur-unsur menghina atau mengundang sensitiviti sesuatu kaum,agama,politik,lucuh,rokok,arak,eksploitasi wanita dan seumpamanya.
9. Pelekat (Sticker) hendaklah ditampal di sudut sebelah kanan bahagian bawah pada iklan.
10. Mematuhi arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh lain-lain jabatan atau agensi kerajaan.

LOKASI RUANG IKLAN UNTUK TUJUAN PEMASANGAN IKLAN
KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

BIL	LOKASI (PERHENTIAN BAS)	SAIZ RUANG	GAMBAR LOKASI
1.	Jalan Zaaba (HadapanShell)	a) 10' x 5' b) 4' x 2'	
2.	Jalan Jalan Lingkar tengah (hadapan kuil India)	a) 8' x 5' b) 3' x 2'	
3.	Jalan Dato' Siamang Gagap (sebelah kiri)	a) 9' x 4' b) 7' x 2'	

BIL	LOKASI (PERHENTIAN BAS)	SAIZ RUANG	GAMBAR LOKASI
4.	Jalan Seremban–Kuala Pilah (Pusat Dakwah)	a) 4' x 8' b) 4' x 2'	
5.	Jalan Medan Rahang	a) 3' x 20' b) 18' x 3'	
6.	Jalan Seremban–Kuala Pilah (hadapan SK.Ampangan)	a) 10' x 5' b) 4' x 1'	
7.	Lain – lain : Nyatakan lokasi, saiz dan sertakan gambar (Gunakan Lampiran)		

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA			
PERINGATAN :- Tuan/Puan tidak dibenarkan mengiklankan / memasang apa-apa peralatan di tapak sebelum mendapat kelulusan secara bertulis dari Majlis Bandaraya Seremban.	Diterima oleh	:	
	Bayaran Proses	:	RM
	No.Resit	:	
	Tarikh @ Masa	:	